

# Sarawak Tribune tidak bertanggungjawab – PM

Am - 8/2/2006

**PUTRAJAYA** 7 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menganggap Ketua Pengarang *Sarawak Tribune* sebagai tidak bertanggungjawab dan tidak sensitif apabila menyiarkan semula karikatur menghina Nabi Muhammad walaupun menyedari perkara itu telah membangkitkan kemarahan umat Islam.

Perdana Menteri yang terkejut dengan perbuatan akhbar itu menegaskan, tindakan akan diambil atas apa juga jawapan dan penjelasan yang diberikan dalam surat tunjuk sebab mereka.

Ketua Pengarang akhbar itu dan ahli-ahli lembaga pengarahnya bertemu dengan para pegawai Kementerian Dalam Negeri (KKDN) hari ini.

Sambil menyifatkan Ketua Pengarangnya tidak berfikir dengan betul kerana menyiarkan karikatur itu, beliau yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, kebebasan akhbar di negara ini tetap mempunyai hadnya.

“Ini kerana setiap bahan yang ingin disiarkan perlu mengambil kira perasaan orang lain terutama jika melibatkan soal agama dan kaum.

“Kita tahu isu agama cukup sensitif terhadap penganutnya, sama ada Islam, Hindu atau agama-agama lain, jangan ia dipermudahkan dan diperkecilkan.

“Tentu rakyat Malaysia kecil hati dengan tindakan yang berlaku tetapi mereka tahu bagaimana hendak mengawal keadaan. Tetapi ada juga akhbar negara-negara lain yang keluaran lagi kartun itu, orang marahlah lagi,” kata beliau pada sidang selepas menghadiri majlis perhimpunan bulanan kementerian berkenaan di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan akhbar *Sarawak Tribune* menyiarkan semula karikatur menghina Nabi Muhammad yang sebelum ini diterbitkan oleh akhbar Denmark, *Jyllands-Posten*.

Ekoran itu akhbar berkenaan telah diberikan surat tunjuk sebab oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) dan ahli lembaga pengarahnya dipanggil memberikan penjelasan mengenai perkara itu hari ini.

Pada ketika ini kemarahan umat Islam merebak ke seluruh dunia selain menyebabkan hubungan diplomatik Denmark dengan beberapa buah negara Arab menjadi tegang apabila karikatur itu disiarkan semula oleh akhbar di Perancis, Norway dan Jordan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, Malaysia setakat ini tidak berhasrat untuk memboikot barangan Denmark sebagaimana yang dilakukan di kebanyakan negara Arab.

Beliau berkata, sebarang tindakan oleh rakyat dan pertubuhan di negara ini bagi memberikan reaksi terhadap perkara itu perlu dipastikan tidak mendatangkan kesusahan kepada orang lain dan menjejaskan keamanan negara.

“Masing-masing akan mengambil tindakan mengikut apa yang difikirkan sesuai pada mereka. Kita pada waktu ini tidak akan mengambil tindakan memboikot barangan,” katanya.

Dalam pada itu Abdullah berkata, akhbar di negara ini mempunyai hak kebebasan masing-masing termasuk dalam membuat keputusan untuk tidak menyiarkan atau mensensasikan sesuatu berita.

“Kalau mereka berhati-hati terutamanya tentang isu



**ABDULLAH** Ahmad Badawi menyampaikan sumbangan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) sebanyak RM29,211.38 kepada Presiden MERCY, Datuk Dr. Jemilah Mahmood sambil diperhatikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof (tengah) pada Majlis Perhimpunan Bulanan KKDN di Putrajaya semalam.

agama dan kaum maka itu adalah pilihan mereka.

“Itu tidak bermakna kebebasan telah terjejas atau diketepikan tetapi sebenarnya ia melambangkan tanggungjawab dan rasa sensitif kepada kaum-kaum lain,” katanya.

Dalam hal ini Abdullah berkata, kerajaan menghargai sikap akhbar di negara ini yang mengamalkan pendekatan tapisan (*self censorship*) bagi melambangkan rasa tanggungjawab.

“Kalau semua orang hendak bebas tidak ada sesiapa lagi yang akan menikmati kebebasan, ia akan menimbulkan huru-hara,” katanya.

**Kita tahu isu agama cukup sensitif terhadap penganutnya, sama ada Islam, Hindu atau agama-agama lain, jangan ia dipermudahkan dan diperkecilkan**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
KAWASAN KEMENTERIAN PERDANA